



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERTHORMAT SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**

**TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI**

**DAN KOS SARA HIDUP**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN**

**JUALAN RAHMAH & MAJLIS IFTAR BERSEMPENA HARI PENGGUNA**

**PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**31 MAC 2023 (JUMAAT) | 5.00 PETANG**

**PPR BATU MUDA, KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.

**Yang Berhormat Prabakaran Parameswaran**, Ahli Parlimen Batu;

**Yang Berhormat Redzuan bin Hanafi**, Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Batu Muda;

**Yang Berusaha Tuan Ariffin bin Samsudin**, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (KPDN WPKL);

**Yang Berusaha Tuan Atan bin Sopian**, Pengarah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, KPDN

**Yang Berusaha Tuan Muhamad Hanif bin Asa'ari**, Pengarah Sekretariat Perdagangan Penedaran dan Industri Perkhidmatan, KPDN

**Yang Berusaha Tuan Haji Azman bin Haji Adnan**, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian;

Rakan-Rakan Strategik KPDN, Rakan-Rakan Media dan penduduk PPR Batu Muda yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama pada petang ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Jualan Rahmah & Majlis Iftar Bersempena Hari Pengguna Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Pengerusi PPR Batu dan seluruh warga kerja KPND di atas inisiatif yang baik ini.
  
3. Terima kasih juga kepada seluruh penduduk PPR Batu Muda, pasar raya, pengusaha restoran, agensi Kerajaan atas sokongan dan kerjasama yang diberikan bagi menjayakan Inisiatif Rahmah iaitu Jualan Rahmah dan Menu Rahmah di Kuala Lumpur ini.

## INISIATIF PAYUNG RAHMAH

Hadirin yang saya kasihi,

4. Inisiatif Payung Rahmah yang telah diperkenalkan pada awal bulan Januari 2023 merangkumi lima (5) inisiatif iaitu **Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Menu Rahmah, Pakej Rahmah Dan Kafe Rahmah**. Alhamdulillah dalam waktu terdekat di bawah pentadbiran Kerajaan Madani, KPDN telah melaksanakan gerak kerja dalam memastikan agenda Payung Rahmah direalisasikan dengan sokongan dan kerjasama

pemain industri dan rakan-rakan strategik KPDN di bawah sektor peruncitan.

5. **Inisiatif **Jualan Rahmah dan Menu Rahmah** bukan sahaja memfokuskan kepada golongan bersasar kategori B40, malah semua lapisan masyarakat kerana ianya adalah hidangan untuk semua. Rahmah for all, Rahmah untuk semua.**
6. Inisiatif Menu Rahmah telah dilancarkan pada 31 Januari 2023 yang lalu dan inisiatif ini terus mendapat sambutan yang baik daripada pihak pengusaha makanan dan rakyat.

7. Baru-baru ini, lebih banyak **syarikat besar** turut menyahut **usaha Kerajaan** dengan menyediakan **Menu Rahmah** dalam pakej tawaran mereka dan antaranya ialah **Burger King, Marrybrown, Old Town White Coffee dan McDonalds**. Turut berserta restoran-restoran nasi kandar dan kedai tomyam yang menawarkan makanan tempatan pada harga **Rahmah**.

Hadirin yang saya kasihi,



8. Pada hari ini, saya dimaklumkan oleh KPDN WP Kuala Lumpur bahawa terdapat **15 pasar raya di 11 parlimen WP Kuala Lumpur telah bersetuju untuk menyertai Jualan Rahmah dan terdapat juga pasar raya yang turut menawarkan set makanan dan minuman Menu Rahmah yang bernilai RM5.00.** Pelaksanaan **Jualan Rahmah akan diadakan selama setiap dua (2) minggu pada hari Sabtu dan Ahad mulai 25 Mac 2023.** Lebih **30 item barangan keperluan harian dan asas** seperti ayam, beras, telur, bawang, sayur-sayuran dan sebagainya boleh diperolehi pada harga diskaun **10% hingga 30% berbanding harga pasaran semasa.**

Tawaran harga barangan keperluan harian ditawarkan pada harga yang paling istimewa buat warga Kuala Lumpur.

9. Terima kasih tidak terhingga kepada semua pasar raya yang menyokong usaha Kerajaan bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat. Tahniah sekali lagi! Saya berharap inisiatif Jualan Rahmah dan Menu Rahmah ini akan berterusan bagi satu jangka masa panjang dan akan disahut baik oleh rakan-rakan pasar raya dan restoran di sekitar Kuala Lumpur.
10. Saya juga dimaklumkan, sebanyak **150 Bakul RAHMAH** juga turut disumbangkan **oleh 99 Speedmart (70 set), KK Mart (50**

**set) dan AEON BiG (30 set) kepada penduduk PPR Batu Muda hari ini. Saya sangat berbesar hati melihat penyertaan dari Pengusaha Tomyam (PERTOM), Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), restoran-restoran makanan segera dan pasar raya seperti 99 Speedmart, KK Mart dan AEON yang sama-sama menjayakan program pada hari ini.**

11. Untuk makluman, Sambutan Hari Pengguna disambut pada setiap 15 Mac setiap tahun. Pada tahun ini tema yang dipilih adalah Pengguna Berdaya, Negara Rahmah Sejahtera. Oleh yang demikian, **Pejabat KPDN WP KL telah menyediakan**

**ceramah kepenggunaan, advokasi kepenggunaan, pertandingan mewarna, cabaran interaktif pengguna, booth Price Catcher, platform Aduan Suri, cabutan bertuah dan lain-lain info kepenggunaan kepada penduduk di PPR Batu Muda bersempena Hari Pengguna peringkat WP Kuala Lumpur ini. Saya berharap semua dapat manfaat daripada program yang disediakan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan WPKL (ICU WPKL) dan Jabatan Penerangan WPKL (JaPEN WPKL) yang turut serta sebagai pempamer di PPR Batu Muda Kuala Lumpur ini.**

12. Saya ingin mengajak penduduk di sini untuk memuat turun **aplikasi Price Catcher untuk membuat perbandingan harga sebelum berbelanja.** Kementerian telah membangunkan aplikasi ini dengan menyenaraikan lebih **400 barangan di 1,500 lokasi** untuk pengguna membuat perbandingan harga sebelum melakukan pembelian. Aplikasi ini dapat membantu pengguna dalam pembuatan keputusan di samping boleh menjimatkan perbelanjaan. **Pengguna juga disaran untuk membuat aduan di platform yang disediakan oleh KPDN antara aplikasi EzAdu, WhatsApp dan Portal e-Aduan jika ada salah laku peniaga seperti ketiadaan bekalan, harga mahal, dan sebagainya. Untuk**

**urusan tebus rugi, pengguna boleh berbuat demikian di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia yang berhampiran.**

## **PENUTUP**

13. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya supaya program yang dilaksanakan oleh Pejabat KPDN WP Kuala Lumpur pada hari ini dapat memberi manfaat kepada semua dan program seperti ini boleh dianjurkan lagi pada tahun yang akan datang.
  
15. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya merasmikan

**JUALAN RAHMAH & MAJLIS IFTAR BERSEMPENA HARI  
PENGGUNA PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR.**

16. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.